

MAHATHIR-KEPIMPINAN

1983

ALOR STAR, 26 NOV. (BERNAMA)-- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YAKIN KONSEP KEPIMPINAN MELALUI TELADAN YANG DITEGASKAN OLEH KERAJAAN DAPAT MEMBANTU NEGARA INI MENJADI MAJU DAN DIHORMATI DI SELURUH DUNIA JIKA SETIAP INDIVIDU MENGAMALKAN NILAI-NILAI TERSEBUT.

KATANYA NILAI-NILAI KEPIMPINAN MELALUI TELADAN MENEKANKAN AMALAN KERJA YANG KUAT, DEDIKASI DAN BERDISIPLIN YANG AKHIRNYA MELAHIRKAN SATU MASYARAKAT YANG MAKMUR DAN BERJAYA.

+ SETIAP INDIVIDU MEMPUNYAI PERANAN MSING-MASING KE ARAH PENCAPAIAN TERSEBUT SUPAYA NEGARA-NEGARA LAIN TIDAK DAPAT LAGI MEMANDANG RENDAH KEPADA MALAYSIA DALAM SETIAP ASPEK, + TAMBAHNYA SEMASA BERUCAP MERASMIKAN KURSUS KEPIMPINAN MELALUI TELADAN PERINGKAT NEGERI KEDAH DI SINI HARI INI.

PERDANA MENTERI JUGA MENGAJAK SETIAP ORANG BERUSAHA UNTUK MENGHAPUSKAN TANGGAPAN NEGATIF ORANG-ORANG ASING TERHADAP NEGARA INI KHUSUSNYA ASPEK-ASPEK YANG MELIBATKAN SIKAP MALAS, TIDAK MAHU BERUSAHA, MISKIN DAN SEUMPAMANYA.

KATANYA TIDAK ADA SIAPA PUN YANG SUKA JIKA IA TERUS DIHINA DAN DIPANDANG RENDAH DAN TIDAK ADA JALAN LAIN BAGI MENGATASI MASALAH TERSEBUT MELAINKAN DENGAN MEMBUKTIKAN KEUPAYAAN MASING-MASING SEHINGGA MENCAPAI KEJAYAAN.

--LAGI 1420/AN

MAHATHIR-KEPIMPINAN 2 ALOR STAR

BELIAU JUGA MEMINTA SETIAP ORANG MENGANGGAP SLOGAN KEPIMPINAN MELALUI TELADAN ITU SEBAGAI ARAHAN YANG MESTI DILAKSANAKAN TANPA MENGIRA IA SEORANG PEGAWAI TINGGI ATAU ORANG KEBANYAKAN.

INI ADALAH KERANA SETIAP INDIVIDU ITU ADALAH PEMIMPIN DAN IA MESTI MENUNJUKKAN CONTOH YANG BAIK SETIAP MASA, TAMBAHNYA.

DALAM HAL INI JUGA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN PARA PEMIMPIN TERTINGGI MEMPUNYAI PERANAN YANG LEBIH BERAT UNTUK MENUNJUKKAN TELADAN YANG BAIK UNTUK DIKUTI OLEH ORANG-ORANG YANG DIPIMPINNYA.

BELIAU MENYEBUT MENGENAI PEMAKAIAN TANDA NAMA YANG DIPAKAINYA UNTUK DIKUTI OLEH SETIAP PEGAWAI KERAJAAN YANG LAIN.

KATANYA BELIAU BOLEH UNTUK TIDAK MEMAKAI TANDA NAMA ITU KERANA RAMAI YANG MENGENALINYA, TETAPI BELIAU TETAP MEMAKAINYA SUPAYA PARA PEGAWAI YANG LAIN TIDAK AKAN MENCEMUKANNYA KERANA MENYURUH ORANG LAIN MEMAKAI TANDA NAMA ITU SEDANGKAN BELIAU SENDIRI TIDAK MEMAKAINYA.

MENGENAI AMALAN KERJA, BELIAU MENINGATKAN PARA PETUGAS SUPAYA TIDAK TERPENGARUH DENGAN UNSUR-UNSUR NEGATIF SEPERTI PERBUATAN MENIPU SUGGUHPUN PADA DASARNYA IA TELAH BEKERJA KUAT.

INI PERLU DIINGATI KERANA APABILA PERBUATAN ITU DIKETAHUI KELAK, IA SUDAH TERLALU LEWAT UNTUK DIBAIKI, TAMBAHNYA.

--LAGI 1423/AN

PERDANA MENTERI BERKATA DASAR-DASAR KERAJAAN, TERMASUK SLOGAN-SLOGAN YANG DIKEMUKAKAN BUKAN DIBUAT SECARA TERGESA-GESA ATAU TANPA KAJIAN YANG MENDALAM.

APA YANG DIBUAT DAN DIKEMUKAKAN OLEH KERAJAAN DIBUAT BAGI KEBAHAGIAAN MASYARAKAT DAN PEMBANGUNAN NEGARA, TAMBAHNYA.

KATANYA KEMERDEKAAN SESEBUAH NEGARA ITU TIDAK BERERTI JIKA NEGARA BERKENAAN GAGAL MELAKSANAKAN USAHA-USAHA MEMBERIKAN KEBAHAGIAAN KEPADA RAKYATNYA DAN MEMBIARKAN MEREKA TERUS MENDRITA.

+ DI NEGARA INI, KITA PATUT BERSYUKUR KERANA TELAH BANYAK USAHA DIBUAT UNTUK MEMBERIKAN KEBAHAGIAN KEPADA RAKYAT DAN KERAJAAN AKAN TERUS MENINGKATKAN USAHA BERKEMAJUAN DARI MASA KE SEMASA, + TAMBAHNYA.

BELIAU JUGA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA YANG TELAH MEMBERIKAN KERJASAMA DAN SAMBUTAN BAIK TERHADAP USAHA-USAHA KERAJAAN MEMBAIKI TARAF HIDUP RAKYAT DI NEGARA INI.

INI TERMASUKLAH MEMBERIKAN SOKONGAN DAN SAMBUTAN ATAS SETIAP TINDAKAN DAN SLOGAN-SLOGAN UTAMA YANG DIANJURKAN OLEH KERAJAAN BAGI KEBAIKAN MASYARAKAT JUGA, TAMBAHNYA LAGI.

TURUT HADIR DI MAJLIS INI IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR.SITI HASMAH, MENTERI BESAR DATUK SERI SYED NAHAR SHAHABUDDIN, MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUARBANDAR, DATUK SANUSI JUNID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAHI DAN MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM.

--BERNAMA 1426/AN